

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Kerajaan
Sent: Wednesday, May 24, 2017 4:05 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Prof. Madya Dr. Zaheruddin Bin Othman; Dr. Ahmad Zubir bin Ibrahim; Mohammad Fadzil Bin Din
Subject: JAPAN LOCAL ADMINISTRATION SEMINAR 2017



Pusat Pengajian Kerajaan

SCHOOL OF GOVERNMENT

Universiti Utara Malaysia

24 MEI 2017/27 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoG ONLINE: 18 Mei 2017 yang lalu, Institute of Local Government Studies (ILGS) Pusat Pengajian Kerajaan telah menganjurkan Japan Local Administration Seminar 2017. Seminar ini dianjurkan dengan kerjasama The Japan Council of Local Authorities for International; Relations (CLAIR) Singapura. Penganjuran seminar ini merupakan kali kedua penganjuran setelah kejayaan penganjuran kali pertama pada tahun 2014. Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan oleh pihak CLAIR bagi berkongsi pengalaman dan pendekatan yang dilakukan kerajaan tempatan di Jepun dalam menangani isu berkaitan kesihatan, program kitar semula, penjaan kewangan kerajaan tempatan dan penggunaan ICT. Para peserta seminar terdiri daripada pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah Pusat Pengajian Kerajaan.

Pihak CLAIR seramai tujuh orang di ketuai oleh, Deputy Executive Director, representative of Kyoto Prefecture MPP, The Japan Council of Local Authorities for International Relations (CLAIR) Singapore, Nabeoka Takashi bersama Deputy Director Nii Kenji, Yumisashi Shoko, Yasuda Yousuke, Shinkai Shunsuke, Horibe Hiroshi serta Senior Researcher Siau Min Yang hadir bersama bagi membentangkan kertas kerja di seminar berkenaan.

Dalam ucapan Nabeoka mengharapkan hubungan yang terjalin ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang bagi mempertingkatkan hubungan kerjasama khususnya dalam konteks kerajaan tempatan di kedua-dua buah negara. Manakala Dr. Ahmad Zubir Ibrahim, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Kerajaan yang mewakili Dekan Pusat Pengajian Kerajaan menjelaskan seminar ini merupakan platform terbaik bagi ILGS bagi mempertingkatkan hubungan dan kerjasama di peringkat antarabangsa dan secara langsung mempercepatkan pencapaian misi dan visi ILGS dalam tempoh jangka masa pendek dan panjang. Rata-rata peserta yang mengikuti seminar ini berpuas hati di atas perkongsian yang disampaikan. Menurut peserta Mariah Darus, pelajar Sarjana Pengurusan Awam yang ditemui, menjelaskan bahawa program seumpama ini perlu diteruskan bagi memberi dan meningkatkan pengetahuan para pelajar berkaitan dengan pelaksanaan polisi di peringkat kerajaan tempatan di negara lain. Manakala Rozlan Daud turut berpendapat banyak ilmu yang diperolehi dan dipelajari bagi membentuk polisi yang mampan bagi memenuhi keperluan komoditi setempat.

Hadir di dalam seminar ini ialah Pengarah ILGS, Prof. Dr. Kamarudin Ngah, Felo Penyelidik ILGS, pensyarah pusat Pengajian Kerajaan. Di akhir seminar ini, para peserta berpeluang berdiskusi dengan para panel berkaitan isu dan cabaran kerajaan tempatan dalam abad 21.

TAMAT

Daripada:

Pusat Pengajian Kerajaan

UUM College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9287901/7906 | Faks: 04-9287914 | Email : colgis_ppk@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood

as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.